

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 22

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1143-L4189  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah terkini untuk membanteras amalan pembaziran wang Kerajaan seperti yang didedahkan oleh Ketua Audit Negara.
2. PN-1143-L4149  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi memenuhi saranan YAB. Perdana Menteri untuk mengurangkan pengambilan dan kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing.
3. PN-1143-L3808  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan usahawan Bumiputera yang akan dapat dilahirkan di bawah Program Pusat Peruncitan Taman Perniagaan Pendidikan (EduBiz Park). Bilakah program ini akan dilaksanakan.
4. PN-1143-L3980  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah perancangan yang dibuat oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ponteng di sekolah-sekolah menengah, memandangkan kes ponteng di sekolah menengah adalah semakin membimbangkan pada masa ini.
5. PN-1143-L4325  
**Dato' Ismail bin Kasim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak pengurusan SURIA KLCC yang merupakan salah satu anak syarikat Petronas tidak menyedari akan wujudnya satu tekanan terhadap peniaga ataupun usahawan Bumiputera yang menjalankan perniagaan mereka di premis-premis perniagaan di KLCC di mana semakin hari semakin berkurangan mereka yang menjalankan operasi perniagaan di sana.

6. PN-1143-L3770  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah wang bayaran yang dikenakan sebagai 'airport tax' dan insurans yang termasuk dalam harga tiket Air Asia itu diserahkan kepada Kerajaan atau lapangan terbang bila mana seseorang penumpang itu membatalkan penerbangannya.
7. PN-1143-L4111  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
  - (a) selain menaik taraf 157 laluan maut di Semenanjung serta membina dan menambah baik lorong motosikal yang membabitkan peruntukan lebih RM600 juta, apakah Kerajaan juga turut memberi tumpuan kepada pembaikan jalan raya di kawasan luar bandar; dan
  - (b) sejauh mana langkah-langkah memperbaiki aspek kejuruteraan di Jalan Persekutuan yang berisiko tinggi serta program penyelenggaraan berkala yang dicadangkan oleh Kementerian.
8. PN-1143-L4236  
**Dato' Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilangan bekalan elektrik tergendala bagi tahun 2004, 2005, 2006 dan 2007 (Januari hingga November) di seluruh negara.
9. PN-1143-L3840  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah projek-projek pembangunan secara holistik dan komprehensif yang telah dirancang di dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi meningkatkan ekonomi dan modal insan rakyat di kalangan Orang Asli di setiap negeri yang terlibat.
10. PN-1143-L4404  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana mekanisme pemberian subsidi yang meliputi komoditi seperti petrol, gas, pertanian, air dan elektrik sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan, sekali gus boleh membantu Kerajaan meringankan beban subsidi RM35 bilion setahun.
11. PN-1143-L3841  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawī** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
  - (a) apakah jaminan dan kawalan piawaian mutu keselamatan dan kerahsiaan MyKad bagi membendung pemalsuan MyKad berbanding dengan negara lain di dunia; dan
  - (b) jumlah MyKad yang telah dikesan dipalsukan dan seterusnya jumlah pelupusannya dari tahun 2003 sehingga Oktober 2007.

12. PN-1143-L4174  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan adakah Kerajaan tidak berhasrat untuk merangka Dasar Pakaian Negara di dalam memastikan nilai-nilai akhlak dalam berpakaian dapat dijangka di negara ini.
13. PN-1143-L4271  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan simpanan untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak mungkin dapat menanggung perbelanjaan pesara kelak memandangkan harga barang-barang gunaannya meningkat dari sehari ke sehari. Adakah KWSP mempunyai cara pelaburan yang lebih menguntungkan agar pencarum mendapat pulangan yang lebih lumayan.
14. PN-1143-L4341  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah bentuk jaringan pengangkutan yang paling sesuai untuk dibangunkan di Kuala Lumpur memandangkan semua jenis pengangkutan awam yang menggunakan jalan raya hari ini hanya berhadapan dengan pelbagai masalah kesesakan, terutama bila berlakunya hujan lebat dan banjir kilat dan perancangan melaksanakannya.
15. PN-1143-L3692  
**Datuk Chew Vun Ming** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan di akhir-akhir ini, terdapat cadangan yang dibuat oleh pihak tertentu untuk mengharamkan kenderaan yang menjangkau usia 15 tahun. Perkara ini, jika dilaksanakan, akan membebankan ramai rakyat, terutama mereka yang berpendapatan rendah. Adakah Kerajaan bercadang membuat kajian secara saintifik untuk mengenal pasti rasional serta impak pengharaman kenderaan yang berusia 15 tahun dan ke atas di Malaysia.
16. PN-1143-L3934  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dirancang oleh Majlis Ekonomi Belia Negara dalam usaha menggalakkan penglibatan belia India dalam aktiviti perniagaan selaras dengan matlamat RMK-9 untuk meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India kepada 3%.
17. PN-1143-L4196  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimana komputer-komputer di makmal sekolah diselenggarakan dan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat banyak komputer di sekolah-sekolah yang rosak hingga mengganggu kelicinan pembelajaran.
18. PN-1143-L4048  
**Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh mana TEKUN berjaya membantu usahawan kecil Bumiputera dan mengapa proses peminjam terlalu lama, kadangkala mengambil masa 4 hingga 5 bulan.

19. PN-1143-L4347  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapa hal-hal yang berkaitan dengan peniaga kecil atau "petty traders" di luar sekolah ini tidak dikawal atau diselia oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bukankah tanggungjawab PBT terutama sekali Bahagian Kesihatan PBT untuk menentukan semua "petty traders" yang mengendalikan makanan untuk mematuhi Akta Kerajaan Tempatan dari segi menjaga kesihatan.
20. PN-1143-L3978  
**Dato' Wong Siong Hwee** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menampung keperluan bekalan kayu negara di masa hadapan dan nyatakan luas kawasan yang dirancang untuk ditanam, luas yang sudah ditanam dan jenis atau spesies yang ditanam bagi tujuan tanaman ladang hutan.
21. PN-1143-L3925  
**Dato' Yip Kum Fook** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah peranan Malaysia dalam membantu mempercepatkan proses demokrasi di negara Myanmar.
22. PN-1143-L4088  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah mereka yang mempunyai maklumat mengenai rasuah dan penyelewengan tidak sanggup ke hadapan kerana bimbang identiti mereka diketahui hingga menggugat keselamatan diri mereka. Bagaimanakah pula 'Whistle Blower's Act' dapat memberi perlindungan kepada mereka dalam erti kata yang sebenar.
23. PN-1143-L4300  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apabila Telekom Malaysia dipecahkan kepada dua buah syarikat berlainan, adakah Kerajaan bercadang untuk menggabungkan syarikat yang mengendalikan operasi talian tetap dan jalur lebar dengan Time Engineering terutamanya Time dotcom Berhad dan Dagangnet di mana strategi ini memang sejajar dengan usaha Kerajaan membentuk sinergi modal perniagaan yang menguntungkan.
24. PN-1143-L3876  
**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam meningkatkan keselamatan setiap warganegara agar lebih terjamin pada setiap masa, tempat dan keadaan memandangkan kadar jenayah dan gejala sosial semakin berleluasa pada masa kini.

25. PN-1143-L3967  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan-tindakan bagi mencegah kejadian yang mengancam keselamatan kanak-kanak dan adakah pindaan terhadap Akta Kanak-kanak wajar dilakukan bagi menerapkan sifat keprihatinan di kalangan masyarakat mengenai isu-isu keselamatan dan perlindungan kanak-kanak seperti kes penderaan fizikal, seksual, emosi, sumbang mahram dan kes pembuangan bayi.
26. PN-1143-L3694  
**Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap pelaburan daripada syarikat atau agensi milik Kerajaan asing atau 'Sovereign Wealth Fund (SWF)' dalam negara kita terutamanya dalam sektor strategik negara, demi untuk mengelakkan syarikat atau negara asing daripada memiliki sektor strategik negara seperti tenaga, air dan telekomunikasi.
27. PN-1143-L3993  
**Tuan Chiw Tiang Chai** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan sedar pesara kini menerima pencen di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK), hingga memaksa ramai pesara bergantung kepada anak-anak dan saudara-mara bagi bantuan kewangan dan seterusnya adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah tabung untuk memberi elaun kepada pesara yang mendapat pencen di bawah PGK.
28. PN-1143-L3970  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan lebih lanjut mengenai kesan kepada pembangunan negara hasil daripada pemberian subsidi yang dilaporkan sudah menjangkau pada anggaran sebanyak RM40 bilion kepada pengguna khususnya dengan kenaikan harga petroleum. Dengan jumlah subsidi yang begitu banyak ini sudah tentu menambahkan lagi bebanan Kerajaan.
29. PN-1143-L4199  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan strategi jangka pendek dan panjang yang perlu diambil bagi memastikan keutuhan permuafakatan dan perpaduan kaum akan terus terjamin di dalam pengisian fasa ke dua 50 tahun akan datang (2057) selepas kemerdekaan demi keharmonian agama, bangsa dan negara.
30. PN-1143-L4137  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah jumlah kos kontrak pembinaan 6 buah 'Offshore Patrol Vessel' (OPV) yang telah ditandatangani dengan PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd. (sekarang dikenali sebagai Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.). Sehingga kini berapakah yang telah dibayar oleh Kementerian dan berapa peratuskah kerja-kerja yang telah disiapkan. Bilakah tarikh akhir penyerahan kapal-kapal tersebut mengikut perjanjian kontrak dan berapakah bayaran denda lewat siap projek yang akan diperolehi Kerajaan.

31. PN-1143-L3727  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah bilangan pasport antarabangsa yang telah dikeluarkan dalam masa 5 tahun kebelakangan ini; dan
  - (b) jumlah pasport yang dilaporkan hilang dalam masa 5 tahun kebelakangan ini, sama ada hilang di dalam atau di luar negara.
32. PN-1143-L4308  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah khusus yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan Multi National Companies (MNCs) dalam pembasmian kemiskinan di negara ini sesuai dengan rumusan yang dicapai dalam Langkawi International Dialogue pada Ogos 2007 yang lalu.
33. PN-1143-L4209  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan keupayaan dan kepakaran polis menyelesaikan kes kehilangan dan penculikan kanak-kanak dan langkah pro aktif untuk mengurangkan jenayah tersebut.
34. PN-1143-L3943  
**Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah langkah Kerajaan melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) penting bagi meningkatkan integriti dalam pelbagai bidang yang telah diamalkan oleh agensi-agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
35. PN-1143-L3908  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengeluarkan peraturan bertulis bagi menyeragamkan yuran di peringkat sekolah yang masih dianggap tinggi dan berbeza yang berpandukan kepada keputusan yang dibuat oleh sekolah atau PIBG semata-mata.
36. PN-1143-L4336  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah keluasan tanah rizab Melayu pada tahun 1997 dan 2007 dan kesan kepada keluasan dan pemilikan tanah rizab Melayu apabila Kerajaan menggerakkan program Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER).
37. PN-1143-L4001  
**Tuan Maijol bin Mahap** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan nisbah di antara pensyarah dan pelajar di IPTA pada masa sekarang dan nisbah yang paling bersesuaian dalam sesebuah IPTA untuk menjamin kualiti graduan serta dapat memberi lebih masa kepada pensyarah-pensyarah untuk membuat kajian dan penerbitan.

38. PN-1143-L4148  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan dari laporan Ketua Audit Negara, bilangan kes yang disiasat, dibawa dan akan dibawa ke mahkamah dan apakah tindakan dan langkah-langkah yang dikaji dan diambil untuk mengurang atau membanteras penyelewengan itu supaya tidak berulang lagi.
39. PN-1143-L4389  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang dasar Kerajaan mengenai pembangunan industri khinzir untuk memastikan bekalan daging khinzir mencukupi untuk kaum Tionghoa di negara kita dan nyatakan jumlah pengeluarannya semenjak tahun 2005 sehingga sekarang.
40. PN-1143-L4126  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PERUMAHAN KERAJAAN DAN TEMPATAN** menyatakan setakat ini berapa banyakkah Syarikat Pemberi Pinjaman Wang Berlesen yang berdaftar di seluruh negara dan apakah perkhidmatan mereka menyamai operasi institusi kewangan tempatan terutamanya dalam segi pembiayaan pinjaman.
41. PN-1143-L3780  
**Puan GK Loga Chitra** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan ekuiti kaum India dalam RMK-9.
42. PN-1143-L4066  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) berapakah stesen LRT Putra bawah tanah yang didapati rosak dan sejauh manakah tahap kerosakan tersebut serta apakah tindakan Kerajaan sehingga kini; dan
  - (b) apakah jaminan Kerajaan terhadap keselamatan orang awam yang menggunakan stesen tersebut daripada ancaman kerosakan dan banjir kilat.
43. PN-1143-L4089  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan Malaysia tidak membuat ratifikasi (*ratification*) kepada perjanjian *United Nation Convention Against Corruption* (UNAC) yang telah ditandatangani pada 9 Disember 2003 bagi membolehkan harta/aset penerima rasuah rakyat Malaysia di luar negara dapat dibekukan.
44. PN-1143-L4053  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimanakah cara untuk mempertingkatkan Program J-QAF di sekolah-sekolah rendah dan bilakah pula ianya akan dilaksanakan di sekolah menengah.

45. PN-1143-L4354  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah kes kanak-kanak yang hilang di seluruh negara dapat diselesaikan pada tahun 2005, 2006 dan 11 bulan pertama tahun 2007.
46. PN-1143-L4429  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjayakan pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dalam usaha membasmi kemiskinan tegar menjelang tahun 2010.
47. PN-1143-L4191  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan yang telah dijalankan ke atas laporan yang dibuat oleh Ketua Penerangan UMNO Malaysia mengenai kandungan blog yang menghina DYMM Yang di-Pertuan Agong, agama Islam dan lain-lain fitnah beberapa bulan yang lalu.
48. PN-1143-L3797  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memantau perkembangan terkini di Pakistan. Bagaimana Kementerian mengambil usaha di dalam memastikan rakyat serta pelajar kita di sana terjamin keselamatannya. Perlukah langkah memanggil rakyat serta menutup sementara Pejabat Kedutaan Malaysia diambil sebagai langkah keselamatan.
49. PN-1143-L3723  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan pasti giliran untuk ke Mekah menunaikan haji agar tidak disalah guna oleh syarikat pelancongan yang berdaftar dengan Tabung Haji agar tiada yang daftar tahun ini terus boleh pergi menunaikan haji.
50. PN-1143-L4045  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk memberhentikan amalan kelas bercantum bagi semua sekolah kurang murid dan sekiranya ada, bilakah pelaksanaannya.
51. PN-1143-L4232  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pekerja asing yang telah didaftarkan di Kementerian dan jumlah yang masih belum kembali ke tanah air mereka walaupun telah tamat tempoh.
52. PN-1143-L4415  
**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana penerimaan pelajar, terutama pelajar luar bandar terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

53. PN-1143-L3874  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan menangani masalah lambakan pendatang warga asing yang membanjiri negara ini.
54. PN-1143-L3955  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah situasi masa kini mengenai masalah-masalah ponteng sekolah dan lepak di kalangan murid-murid sekolah. Apakah langkah-langkah strategik yang diambil untuk menangani gejala ini dan apakah keberkesanannya.
55. PN-1143-L4241  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah peratusan penuntut Melayu di dalam IPTS.
56. PN-1143-L4440  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimanakah cara Kementerian untuk melaksana dan mempertingkatkan penguatkuasaan kawalan harga kepada pengilang dan pemborong makanan bagi barangan asas agar tidak membebankan pengguna.
57. PN-1143-L3804  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab yang sebenar Kerajaan tidak mahu menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Diraja untuk meneliti video VK Lingam dan sejauh manakah setakat ini hasil siasatan panel yang telah dilantik untuk mengesahkan kesahihan video berkenaan.
58. PN-1143-L4202  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak ceramah yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dilakukan oleh parti pembangkang di Terengganu sepanjang tahun 2007.
59. PN-1143-L3763  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah keputusan muktamad akan diambil dalam isu penggunaan bahasa bagi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik dan Sains.
60. PN-1143-L3865  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan atau dirancang di tanah-tanah rizab Orang Asli bagi memenuhi objektif atau agenda pertanian sebagai satu perniagaan.

61. PN-1143-L4022  
**Tuan Majid bin Mahap** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah ibu bapa dan penjaga yang telah didakwa atas sebab kematian atau kecederaan ke atas anak mereka di bawah Akta Penjagaan Anak.
62. PN-1143-L4461  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan dan inisiatif yang diambil untuk menentukan yang pengajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menyediakan bakal graduan untuk pasaran pekerja yang mencabar dan sama ada Kementerian berhajat mengurangkan pengambilan pelajar dalam bidang-bidang yang tidak mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran pekerjaan bagi mengelak atau mengurangkan pengangguran di kalangan graduan.
63. PN-1143-L4470  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan terdapat kebimbangan di kalangan negara rantau jajaran Pasifik termasuklah Australia yang memandang pembangunan keupayaan pertahanan Malaysia dengan pembelian kapal selam dan pesawat juang ternama dan terunggul sebagai satu ancaman kepada kestabilan rantau ini dan akan membangkitkan pula "arms race" di Timur Asia.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 32/2007) Rang Undang-undang Perhubungan **Bacaan Kali**  
Perusahaan (Pindaan) 2007 **Yang Kedua**  
**(Menteri Sumber Manusia)**
2. (D.R. 30/2007) Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja  
(Pindaan) 2007  
**(Menteri Sumber Manusia)**
3. (D.R. 33/2007) Rang Undang-undang Pembangunan “  
Sumber Manusia Berhad (Pindaan) 2007  
**(Menteri Sumber Manusia)**
4. (D.R. 38/2007) Rang Undang-undang Perbekalan “  
Tambahan (2007) 2007  
**(Menteri Kewangan)**

5. PN-1143-U4231

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar penggunaan istilah Bahasa Melayu dikekalkan dan tidak digantikan dengan istilah Bahasa Malaysia. Ini menepati dengan apa yang sudah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Istilah Bahasa Melayu sudah lama digunakan, bahkan ia telah mengujudkan identiti dan perpaduan nasional di Malaysia".

**(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.159	Akaun Awam Persekutuan 2006	3 Disember 2007
ST.164	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2007 Hingga 16 Julai 2007 Menurut Peraturan Seksyen 6(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966	3 Disember 2007
ST.216	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	3 Disember 2007
CMD.2	Laporan Ekonomi 2007/2008	3 Disember 2007
CMD.9	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 2007	3 Disember 2007
CMD.9A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, Tahun 2007 Bagi Kerajaan Malaysia	3 Disember 2007
CMD.10	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) Tahun 2007	3 Disember 2007
CMD.10A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, Tahun 2007 Bagi Kerajaan Malaysia	3 Disember 2007
CMD.11	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi tempoh Dari 1 Januari 2007 Hingga 16 Julai 2007 Menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	3 Disember 2007

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.12	Penyata Daripada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan, 2008	3 Disember 2007
CMD.13	Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2008	3 Disember 2007
CMD.14	Buku Senarai Perjawatan 2008 (Jilid I)  Buku Senarai Perjawatan 2008 (Jilid II)  Buku Senarai Perjawatan 2008 (Jilid III)	3 Disember 2007
CMD.15	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Johor Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.16	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Kedah Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.17	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Kelantan Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.18	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Melaka Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.19	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Negeri Sembilan Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.20	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Pahang Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.21	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Perak Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.22	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Perlis Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.23	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.24	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Sabah Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.25	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Sarawak Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.26	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Selangor Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.27	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Negeri Terengganu Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.28	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Johor Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.29	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Kedah Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.30	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Kelantan Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.31	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Melaka Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.32	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Negeri Sembilan Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD.33	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Pahang Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.34	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Perak Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.35	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Perlis Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.36	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.37	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Sabah Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.38	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Sarawak Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.39	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Selangor Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.40	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Negeri Terengganu Bagi Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.41	Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Kementerian, Jabatan Persekutuan Bagi Tahun 2006.	3 Disember 2007

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2007</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.42	Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Bagi Tahun 2006.	3 Disember 2007
CMD.43	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan	3 Disember 2007
CMD.44	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam dan Pengurusan Kewangan Kementerian / Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2006	3 Disember 2007
CMD.44A	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian / Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2006.	3 Disember 2007
CMD.45	Laporan Ketua Audit Negara Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2006 Pengurusan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan	3 Disember 2007